

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN WONG CHEN
(KELANA JAYA)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 18.05.2016

Y.B. TUAN WONG CHEN [KELANA JAYA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:-

- a. mengapakah pinjaman RM2 bilion daripada Marstan Investment NV kepada 1MDB telah diselesaikan sepenuhnya lebih awal daripada tarikh pembayaran balik; dan
- b. apakah faedah yang telah dibayar kepada Marstan Investment MV.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1MDB melalui siaran media di laman web rasminya pada 18 April 2016 telah mengumumkan bahawa pembayaran awal sepenuhnya

telah dibuat kepada Marstan Investments N.V yang telah memberikan pinjaman pada Februari 2015 dan hasilnya digunakan untuk membayar hutang berjumlah RM2 bilion kepada sindiket bank-bank tempatan. Fasilitas ini diatitkan untuk 1MDB oleh Tanjong sebagai alternatif kepada komitmen untuk melabur RM2 bilion dalam bentuk ekuiti di dalam anak syarikat 1MDB, iaitu Powertek Investment Holding Sdn Bhd. Segala butiran pinjaman yang dibuat oleh 1MDB boleh didapati di dalam Jadual 10, Laporan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara ("PAC").

Tuan Yang Dipertua,

Pembayaran awal telah dibuat untuk mengurangkan beban hutang semasa 1MDB. Ini adalah kerana 1MDB mempunyai dana lebihan (*surplus funds*, dengan izin) setelah menjual kepentingannya di dalam syarikat Edra Global Energy Bhd. Ini membuktikan kejayaan Pelan Rasionalisasi 1MDB yang bertujuan untuk mengurangkan hutang syarikat.